



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kewangan 1985

DR.6/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan 1985 dan hendaklah berkuatkuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 adalah masing-masingnya dipinda mengikut cara yang masing-masingnya dinyatakan dalam Bab II dan III.

Pindaan bagi Akta-Akta. Akta 53. Akta 45/67.

BAB II

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Peruntukan-peruntukan dalam Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1985 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. Seksyen 45 Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "one hundred thousand ringgit" dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan "three hundred thousand ringgit".

Pindaan seksyen 45. Akta 53.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM
(CUKAI PENDAPATAN) 1967

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan-
pindaan
kepada
Akta
Petroleum
(Cukai
Pendapatan)
1967.

5. Peruntukan-peruntukan dalam Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1985 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan
seksyen 18.
Akta 45/67.

6. Subseksyen (1) seksyen 18 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (l) dengan tanda dan perkataan "; or"; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (l) perenggan baru (m) yang berikut:

"(m) any sum paid by way of rentals in respect of a motor vehicle (other than a lorry, truck, bus, mini bus, van or station wagon licensed or permitted by the appropriate authority for commercial transportation of goods or passengers) in excess of twenty-five thousand ringgit:

Provided that the maximum amount of deduction of rentals in respect of such motor vehicle in the year of assessment and subsequent years of assessment shall not in the aggregate exceed twenty-five thousand ringgit in respect of the said motor vehicle."

Pindaan
Jadual 2.

7. Jadual 2 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "fifteen" dalam subperenggan (2) perenggan 2 dengan perkataan "twenty-five".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 bagi maksud-maksud yang dinyatakan di bawah ini.

BAHAGIAN I

2. Bab I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan. Bab II Rang Undang-Undang mengandungi cadangan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, *Fasal 4* bertujuan menaikkan had "franking" bagi cukai untung berlebihan daripada \$100,000 kepada \$300,000 yang hendaklah diumpuk dengan sewajarnya antara suami dan isteri jika isteri telah memilih untuk cukainya ditaksir secara berasingan. Pindaan ini adalah berbangkit dari pindaan yang dibuat terdahulu kepada seksyen 3A Akta.

BAHAGIAN II

3. Bab III mengandungi pindaan-pindaan yang hendak dibuat kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. *Fasal 6* bertujuan menghadkan potongan yang dibenarkan ke atas sewa yang dibayar bagi kereta sewa kepada \$25,000 untuk mengimbangkan dengan perbelanjaan kelayakan bagi kenderaan tersebut, yang akan dinaikkan kepada \$25,000 mengikut pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 7*. Ini akan menyelaraskan Akta dengan pindaan-pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1322.]